

Penggunaan ganja dalam perubatan perlu disertakan bukti

23 Mei 2022

Penggunaan ganja dalam perubatan perlu disertakan bukti

MELAKA
Penggunaan ganja untuk tujuan perubatan perlu disertakan dengan fakta dan bukti kajian, bukan semata-mata menerusi komen bersifat populis, menurut Exco Kesihatan dan Anti Dadah Melaka, Dr Muhammad Akmal Saleh.



DR MUHAMAD AKMAL

Beliau berkata, sebagai pengamal perubatan, beliau mengalu-alukan apa juga jenis ubat yang mampu memberi kesembuhan kepada pesakit termasuk penggunaan ganja.

Menurutnya, satu kajian telah dijalankan di Amerika Syarikat (AS) bagi melihat sekiranya ganja mampu merawat penyakit seperti sklerosis berbilang, muntah akibat rawatan kemoterapi, tekanan pascatrauma, kanser, epilepsi dan masalah usus; selain penyakit cachexia, glaukoma, HIV/AIDS, penyakit saraf, sindrom tourrette, parkinson, demensia, ketagihan, kecederaan otak trauma, skizofrenia serta masalah mental lain.

“Berdasarkan kajian itu, hanya kesakitan kronik dan sklerosis berbilang sahaja yang menunjukkan bahawa ganja mampu memberikan rawatan kepada pesakitnya, manakala lain-lain penyakit tidak mempunyai bukti kukuh untuk menunjukkan ia berkesan bagi merawat penyakit.

“Seharusnya satu kajian lebih terperinci perlu dilakukan,” katanya pada Ahad. - *Bernama*